

BAB 4

Penganalisisan Data Dan Keputusan Kajian

Pendahuluan

Di dalam bab ini akan dilaporkan keputusan-keputusan hasil kajian yang telah dilakukan. Segala keputusan yang telah diperoleh adalah berdasarkan latihan kemahiran sosial yang telah dijalankan. Keputusan-keputusan diperoleh juga menekankan kepada hasil kualitatif di samping hasil kuantitatif sebagai penyokong atau perbandingan.

Hasil-hasil kualitatif telah diperoleh secara soal selidik, temubual, senarai semak dan pemerhatian turut serta.

Personaliti Subjek

Terdapat sepuluh orang subjek yang telah menjadi sasaran dalam kajian ini. Kesepuluh mereka mempunyai personaliti yang berbeza. Setiap ciri-ciri personaliti mereka adalah seperti berikut:

Subjek 1. Lahir daripada keluarga berpendidikan rendah iaitu SPM. Sukar menerima kritikan , tidak mahu berkongsi maklumat dengan rakan dan sukar mempercayai orang lain. Merasakan hubungan ahli keluarga kurang baik dan tidak mendapat bantuan keluarga sekiranya menghadapi masalah dalam pelajaran. Dia juga merasakan keluarga tidak kecewa walaupun gagal peperiksaan. Subjek ini juga jelas menyatakan tidak suka berbincang dengan rakan sebaya kerana merasakan seolah-olah mengganggu sekiranya selalu bertanya. Temubual dengan

ibu menyatakan subjek kurang menunjukkan minat belajar dan sering memberi alasan apabila diminta mengulangkaji pelajaran.

Subjek 2 : Subjek 2 juga tidak boleh menerima kritikan daripada orang lain. Dia juga tidak memahami pola perhubungan dalam keluarga. Sementara perhubungan dengan rakan sebaya adalah sukar kerana seorang yang pendiam serta berasa mengganggu sekiranya sering bertanya. Di dalam kelas sering bersendiri dan tidak tahu bergaul dengan rakan yang lain. Laporan daripada ibu bapa pula menyatakan subjek tidak mempunyai ciri-ciri bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

Subjek 3 : Seorang pelajar yang sukar untuk mendapatkan maklumat. Bersifat pasif di dalam kelas namun setiap kerja yang diberikan oleh guru dibuat dengan baik. Sukar berbincang dengan rakan kerana seolah-olah mengganggu sekiranya selalu bertanya. Bermotivasi untuk mencapai kecemerlangan namun kemungkinan terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pencapaian tidak memuaskan. Subjek menganggap keluarga tidak rasa kecewa walaupun dia gagal dalam peperiksaan. Menurut keluarga pula, subjek tidak mempunyai sebarang kerenah cuma kurang penumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran.

Subjek 4: Seorang yang sukar mempercayai orang lain. Tidak mempunyai hubungan yang baik dengan keluarga dan tidak faham dengan pola perhubungan dalam keluarga. Sering merasakan diri tidak berfungsi dalam keluarga walaupun anak bongsu. Dalam menghadapi pelajaran subjek tidak mendapat bantuan keluarga sekiranya menghadapi masalah. Namun begitu, temubual dengan bapa mengatakan subjek lalai dengan pelajaran di samping sering memberi tumpuan kepada perkara di luar bidang pelajaran seperti bermain komputer.

Subjek 5 : Lahir dalam keluarga yang mempunyai pendidikan setakat SPM. Anak seorang pegawai keselamatan dan ibu sebagai suri rumah. Mempunyai cita-cita yang tinggi untuk memegang jawatan sebagai seorang akauntan. Seorang yang pendiam tetapi ceria dengan rakan-rakan. Agak mahir bidang Matematik dan sering menjadi rujukan rakan-rakan sekelas. Subjek suka belajar secara berkumpulan kerana suka bertanya dan bertukar-tukar pendapat dengan rakan. Menurut keluarga subjek seorang yang bermotivasi untuk mencapai pencapaian akademik yang lebih baik.

Subjek 6 : Mepunyai kelebihan daripada segi saiz badan yang besar dan bersifat suka berjenaka. Anak kepada seorang ahli perniagaan dan bercita-cita untuk menjelaki kerjaya bapanya. Bersifat sukar mempercayai orang lain di samping tidak tahu tentang kelemahan dan kelebihan yang ada pada diri. Bermotivasi untuk mencapai tahap akademik yang lebih baik dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan setiap kerja yang diberikan oleh guru.

Subjek 7 : Aktif dalam permainan bola tampar dan mewakili sekolah. Bercita-cita menjadi seorang peguam dan berhasrat untuk meningkatkan diri dalam pencapaian akademik. Dalam keluarga subjek tidak memahami pola perhubungan yang wujud serta yakin keluarga tidak akan kecewa walaupun akan gagal dalam peperiksaan atau pencapaian tidak memuaskan. Terlalu sukar untuk bertanya dengan rakan tentang pelajaran di dalam kelas kerana takut mengganggu rakan. Di rumah tidak menimbulkan sebarang masalah dan menunjukkan daya usaha yang baik dalam menghadapi pelajaran.

Subjek 8 : Bercita-cita untuk meningkatkan prestasi pelajaran dan mencapai apa yang dihajati. Subjek juga mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan bertanggungjawab dengan tugas yang diberikan. Ini terbukti kerana selama setahun subjek

memegang jawatan sebagai penolong ketua kelas. Dalam keluarga tidak mempunyai hubungan yang baik kerana suasana keluarga yang tidak harmoni. Oleh itu, subjek tidak faham tentang pola perhubungan dalam keluarga. Mempunyai daya usaha yang tinggi dalam menghadapi pelajaran serta semangat berlumba dengan rakan-rakan yang lain.

Subjek 9 : Subjek seorang yang sukar menerima kritikan daripada orang lain dan sukar bergaul dengan rakan-rakan yang lain. Mempunyai hubungan kekeluargaan yang kurang baik dan tidak memahami pola perhubungan dalam keluarga. Di dalam kelas tidak menunjukkan minat terhadap pelajaran dan sering tidak memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pengajaran guru. Membuat kerja sambil lewa asalkan tidak dimarahi oleh guru. Sifat ini terbukti apabila keluarga sendiri mengakui subjek langsung tidak bermotivasi mengulangkaji pelajaran di rumah.

Subjek 10: Seorang pelajar yang bercita-cita tinggi iaitu untuk menjawat jawatan sebagai jurutera. Berketurunan Indonesia anak kepada seorang pemandu van dan ibu sebagai juruwang. Bersifat sukar mempercayai orang lain dan takut bertanya kepada rakan kerana ia merupakan satu gangguan. Namun subjek ini, suka bertanya kepada guru sekiranya ada masalah dalam pelajaran. Bermotivasi untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang lebih baik.

Prestasi Akademik

Subjek menjadi sasaran dalam kajian ini kerana prestasi akademik yang tidak memberangsangkan. Matlamat utama dalam kajian ini antara lain ialah untuk membantu meningkatkan prestasi akademik mereka di samping membaiki tahap kemahiran sosial serta mengenalpasti ciri-ciri peribadi yang ada pada diri masing-masing. Hasil daripada kajian berikut dinyatakan keputusan akademik

dalam peperiksaan Pertengahan Tahun sebelum diberikan latihan kemahiran sosial dan Peperiksaan Percubaan PMR selepas diberi latihan kemahiran sosial. Namun keputusan yang dianalisis ini adalah berdasarkan jumlah matapelajaran yang gagal.

Jadual 4 : Prestasi Pencapaian Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Peperiksaan Percubaan PMR 1999.

Subjek	Jumlah gagal	
	Pertengahan Tahun (sebelum latihan kemahiran sosial)	Percubaan (selepas latihan kemahiran sosial)
S1	6	5
S2	7	4
S3	6	4
S4	5	8
S5	5	2
S6	6	4
S7	5	4
S8	5	4
S9	7	4
S10	6	4

Berdasarkan hasil yang diperoleh ini jelas menunjukkan terdapat peningkatan tahap pencapaian akademik bagi setiap subjek kecuali subjek 4 (S4). Kemungkinan terdapat faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku yang akan dibincangkan dalam bab 5.

Penglibatan Aktiviti

Tingkahlaku dan ciri-ciri penglibatan subjek telah dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam masa enam minggu berdasarkan modul yang telah dirangka. Pemerhatian berfokus kepada empat aspek utama iaitu penglibatan, kerjasama, respon, dan tingkahlaku menonjol. Penglibatan diukur samada pasif atau aktif, kerjasama berdasarkan samada amat baik, baik, tidak baik, atau tidak memberikan kerjasama. Seterusnya untuk respon dikelaskan samada positif atau negatif. Bagi tingkahlaku menonjol dilihat sebagai tingkahlaku yang sering dilakukan oleh subjek semasa sesi kelompok sedang berjalan. Terdapat 3 sesi kelompok yang telah dijalankan dipecahkan kepada dua kali perjumpaan setiap sesi dan hasil yang diperoleh dijelaskan berdasarkan jadual-jadual berikut:

Sesi pertama : Sesi ini menekankan aspek-aspek mengenal diri dengan mencari kelemahan dan kelebihan yang ada pada diri disamping membina hubungan yang lebih akrab dikalangan ahli kelompok.

Jadual 5 : Menunjukkan Laporan Pemerhatian Sesi Kelompok Bahagian Pertama

Subjek	Penglibatan	Kerjasama	Respon	Tingkahlaku Menonjol
S1	pasif	baik	positif	takut menjawab
S2	pasif	baik	positif	jawab bila perlu
S3	pasif	baik	positif	berdiam diri
S4	pasif	tidak baik	negatif	bersikap bosan
S5	pasif	baik	positif	berdiam diri
S6	aktif	amat baik	positif	suka menjawab
S7	pasif	baik	positif	suka menjawab
S8	aktif	amat baik	positif	suka menjawab
S9	pasif	baik	negatif	bersikap bosan
S10	pasif	baik	positif	jawab bila perlu

Sesi kedua : Dalam sesi ini menekankan aspek-aspek kekeluargaan disamping berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai keluarga masing-masing. Berasaskan daripada itu, subjek diharapkan dapat menilai dan membaiki diri berhubung dengan hubungan kekeluargaan untuk membentuk diri yang lebih cemerlang. Pengukuran setiap aspek pemerhatian sama seperti dalam sesi pertama.

Jadual 6 : Menunjukkan Laporan Pemerhatian Sesi Kelompok Bahagian Kedua

Subjek	Penglibatan	Kerjasama	Respon	Tingkahlaku Mènonjol
S1	pasif	baik	positif	mula berinteraksi dengan rakan
S2	aktif	baik	positif	bersifat menyendiri
S3	aktif	baik	positif	masih sukar berinteraksi
S4	pasif	tidak baik	negatif	tidak beri tumpuan
S5	aktif	baik	positif	mula mudah berinteraksi
S6	aktif	amat baik	positif	berusaha menjalankan aktiviti dengan baik
S7	aktif	amat baik	positif	mula berinteraksi
S8	aktif	amat baik	positif	ceria dan suka bantu rakan
S9	pasif	baik	positif	kurang beri tumpuan
S10	pasif	baik	positif	lebih berdiam diri

Sesi Ketiga : Dalam sesi yang ketiga ini aspek-aspek yang dipentingkan ialah hubungan subjek dengan rakan. Segala perbincangan dan aktiviti berkaitan dengan mengenalpasti hubungan atau corak jalinan hubungan antara rakan bagi menjurus kepada akademik untuk memastikan kecemerlangan. Hasil dapatan menunjukkan terdapat perkembangan yang lebih baik berbanding dalam aktiviti modul sebelumnya.

Jadual 7 : Menunjukkan Laporan Pemerhatian Sesi Kelompok Bahagian Ketiga

Subjek	penglibatan	kerjasama	respon	tingkahlaku menonjol
S1	aktif	baik	positif	-
S2	aktif	baik	positif	-
S3	aktif	baik	positif	-
S4	pasif	baik	negatif	tidak beri tumpuan
S5	aktif	baik	positif	-
S6	aktif	amat baik	positif	-
S7	aktif	baik	positif	-
S8	aktif	baik	positif	-
S9	aktif	baik	positif	kurang beri tumpuan
S10	aktif	baik	positif	-

Berdasarkan hasil yang diperoleh melalui pemerhatian semasa menjalankan sesi kelompok jelas menunjukkan terdapat perubahan tahap demi tahap daripada segi penglibatan, kerjasama, respon, dan tingkahlaku yang menonjol di kalangan subjek. Hanya subjek keempat (S4) sahaja menunjukkan tahap perkembangan yang paling minima.

Konsep Kendiri

Berdasarkan TSCS yang telah diberikan kepada subjek sebelum dan selepas latihan kemahiran sosial berikut adalah hasil yang diperoleh:

Jadual 8 : Menunjukkan Keputusan Markat TSCS Sebelum dan Selepas Latihan Kemahiran Sosial

Subjek	Markat		
	Sebelum	Selepas	Perbezaan
S1	154	150	-4
S2	146	154	+8
S3	150	162	+12
S4	139	156	+17
S5	138	142	+4
S6	141	150	+9
S7	144	162	+18
S8	149	166	+17
S9	147	154	+7
S10	135	151	+16

Keseluruhan subjek kecuali subjek pertama S1 menunjukkan peningkatan konsep kendiri setelah melalui latihan kemahiran sosial. Sebelum latihan kemahiran sosial diberikan keseluruhan subjek mempunyai tahap konsep kendiri yang rendah. Selepas latihan kemahiran sosial diberikan subjek S8 berada di tahap konsep kendiri tinggi. Walaupun lain-lain subjek mempunyai tahap konsep kendiri yang rendah setelah diberikan latihan kemahiran sosial, tetapi markat yang mereka peroleh lebih tinggi daripada sebelum menerima latihan kemahiran sosial.

Konsep Kendiri Mengikut Subskala Kendiri

Bagi setiap subskala kendiri keseluruhan subjek menunjukkan peningkatan seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah :

Jadual 9 : Menunjukkan Skor Subskala Sosial, Subskala Fizikal, Subskala Keluarga, Subskala Peribadi, Dan Subskala Moral Etika Bagi Setiap Subjek Sebelum dan Selepas Latihan Kemahiran Sosial

Subjek	Sosial		Fizikal		Keluarga		Peribadi		Moral etika	
	Pra	pos	pra	pos	pra	pos	pra	pos	pra	pos
S1	30	28	30	31	30	30	33	31	31	30
S2	27	29	30	32	29	31	30	31	30	31
S3	30	32	28	30	31	33	28	31	33	36
S4	27	30	28	31	25	32	31	33	28	32
S5	26	28	27	28	26	27	30	30	28	32
S6	28	29	28	28	26	28	31	35	28	32
S7	30	33	29	33	27	30	30	34	28	32
S8	29	34	31	35	30	31	29	32	30	34
S9	30	32	28	29	30	32	30	31	29	30
S10	26	29	27	29	26	30	30	31	33	36

Berdasarkan keputusan yang diperoleh di atas keseluruhan subjek meningkat bagi keseluruhan dimensi kendiri daripada ujian pra dan ujian pos. Hanya S1 tidak meningkat kendiri subskala keluarga dan S6 bagi kendiri subskala fizikal. Selain itu, hanya S6 dan S7 sahaja yang mempunyai kendiri positif bagi

subskala moral etika sedangkan subjek yang lain mempunyai ciri negatif (lampiran A). Selepas latihan kemahiran sosial dilaksanakan terdapat perubahan kepada keseluruhan subjek. Skor yang diperoleh menunjukkan kesemua subjek mendapat skor positif bagi kendiri moral etika.